

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

7. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan *walking street* seperti bandar-bandar utama pelancongan sebagai salah satu tarikan pelancongan?

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan *walking street* seperti bandar-bandar utama pelancongan sebagai salah satu tarikan pelancongan. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kerajaan Negeri melalui MBPP telah mengambil langkah-langkah berikut:
 - (i) Menaik taraf lorong belakang, lorong sisi dan laluan pejalan kaki awam di Tapak Warisan Dunia George Town supaya orang ramai merasa selamat dan selesa untuk menggunakan sebagai laluan alternatif di samping tertarik kepada reka bentuknya yang unik. Sasaran MBPP adalah sejumlah 9 km panjang lorong belakang dan lorong sisi, di mana langkah ini berupaya mewujudkan lebih kurang 10 ekar ruang hijau. Lorong belakang dan lorong sisi tersebut akan dijadikan sebagai satu tempat untuk beriadah dan bersosial untuk penduduk setempat dan pelancong. Projek ini juga akan menarik pelancong ke kawasan persekitarannya. Sehingga kini, 1.7 km lorong belakang dan lorong sisi telah dinaik taraf dan dijangka 1.3 km lagi dapat dinaik taraf pada tahun 2020;
 - (ii) Menutup Lebuh Keng Kwee pada setiap hari Sabtu dan Ahad dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam kepada kenderaan. Lebuh Keng Kwee merupakan sebuah tempat tarikan pelancong dan terkenal dengan makanan tempatan

- seperti cendol. Penutupan Lebuh Keng Kwee telah mula dilaksanakan pada 11 Ogos 2018 untuk meningkatkan keselamatan orang awam yang berkunjung ke kawasan ini serta mengurangkan konflik kenderaan dan pejalan kaki. Sejak penutupan ini, bilangan pengunjung ke Lebuh Keng Kwee telah bertambah dan keselamatan pengguna jalan telah dipertingkatkan;
- (iii) Melaksanakan projek *George Town Business Improvement District Scheme* (BIDS) dengan menaik taraf laluan pejalan kaki di Jalan Gurdwara dan sekitarnya supaya lebih selesa dan selamat. Projek ini telah dilaksanakan pada tahun 2019 dan tujuan utama adalah bagi menggalakkan orang awam berjalan kaki menerusi rangkaian laluan pejalan kaki yang berkesinambungan;
 - (iv) Mencadangkan konsep *superblock* di kawasan 7 Streets Precint yang terdiri daripada Lebuh Noordin, Lebuh Presgrave, Lebuh Tye Sin, Lebuh Macallum, Lebuh Katz, Lebuh Cecil dan Lebuh Sandilands. Fasa pertama bagi konsep ini akan dilaksanakan oleh satu syarikat pemaju di Lebuh Noordin. Tujuan utama konsep *superblock* ini adalah untuk mengurangkan bilangan kenderaan yang memasuki jalan-jalan dalaman di sesebuah blok kawasan perniagaan dan kediaman. Menerusi konsep ini, keutamaan diberikan kepada pengunjung, penduduk setempat, pejalan kaki dan penunggang basikal melalui penyediaan bahu jalan yang lebih lebar, selamat dan berteduh dengan kemudahan berkaitan. Reka bentuk yang dicadangkan adalah juga bertujuan untuk mengurangkan kelajuan kenderaan yang melalui jalan-jalan dalaman ini. Keadaan ini juga akan dapat menarik lebih ramai pengunjung ke kawasan terlibat dan secara tidak langsung meningkatkan aktiviti dan merancakkan aktiviti perniagaan di kawasan tersebut;
 - (v) Bekerjasama dengan pihak swasta untuk menjadikan Lorong Bertam sebagai *walking street* dengan menyediakan laluan pejalan kaki yang dinaik taraf, pencahayaan, kawasan berbumbung serta bangunan-bangunan yang dipulih semula dengan nilai warisan; dan
 - (vi) MBPP bersama pihak George Town Conservation & Development Corporation (GTCDC) telah bekerjasama untuk merealisasikan Projek Kerja-kerja Pengukuhan dan

Penambahbaikan Tembok Laut di Padang Kota Lama, Esplanade, Pulau Pinang. Salah satu komponen utama projek ini adalah pembinaan dan penaiktarafan 431 meter panjang laluan pejalan kaki. Projek ini adalah sebahagian daripada Cadangan Projek Penambahbaikan Kawasan Pesisir Laut Utara (*North Seafront*) yang terletak di dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town. Kawasan ini sememangnya merupakan satu tempat tarikan pelancong.

Di kawasan Seberang Perai pula, terdapat dua (2) tempat yang mempunyai ciri-ciri *street walk* iaitu di Autocity dan Ropewalk Taman Selat. Kedua-dua tempat ini berfokuskan kepada pelancong-pelancong tempatan.

Kerajaan Negeri juga akan sentiasa terus berusaha untuk mengenal pasti kawasan-kawasan baru untuk dijadikan *Walking Street* dalam mengukuhkan usahanya untuk menggiatkan lagi aktiviti pelancongan.